

## KEHARMONIAN KAUM DALAM UCAPAN TUNKU ABDUL RAHMAN: ANALISIS TEORI RELEVANS

**Wong Shia Ho**

Jabatan Pengajian Melayu  
(Sedang Cuti Belajar)  
wsh@ipbl.edu.my

### **Abstrak**

Keharmonian kaum amatlah penting khususnya di negara kita yang terdiri daripada berbilang kaum. Kajian ini ingin mengimbas kembali soal keharmonian kaum melalui ucapan Tunku Abdul Rahman. Banyak penulisan dan kajian telah dilakukan terhadap Tunku Abdul Rahman tetapi kajian tersebut banyak berkisar tentang perjuangan dan sumbangan beliau sebagai pemimpin negara. Kajian ini pula berusaha meneliti Tunku dari perspektif bahasa khususnya penggunaan unsur implisit dalam ucapan melalui kajian data korpus. Data kajian ialah unsur implisit dalam ucapan Tunku. Kajian ini menggunakan kaedah kepustakaan dan analisis data untuk menerokai ujaran implisit dalam bentuk kata dan frasa yang dipilih untuk dikaji. Penganalisan data kajian ini dilakukan dengan berdasarkan Teori Relevans (TR) yang digagaskan oleh Sperber dan Wilson (1986, 1995) yang menekankan peranan kognitif iaitu melibatkan konteks, kesan konteks (kognitif) dan usaha memproses. Hasil kajian mendapati bahawa TR mampu menyelami makna sebenar ujaran implisit yang digunakan oleh Tunku dalam ucapan.

*Kata Kunci:* keharmonian kaum, makna implisit, teori relevans

## Abstract

Racial harmony is very important especially in our country which is multi-racial. This study reflects on the issue of racial harmony through the speech of Tunku Abdul Rahman. There has been much research and publications on the Tunku, but most of them focus on his struggles and contributions to Malaysia as a leader. This study examined the language perspective of Tunku's, particularly the use of implicit language element through examining corpus data. This study utilizes the armchair research method in analysing utterances implicit in the words and phrases selected for review. Data was analysed based on the Relevance Theory of Sperber and Wilson (1986, 1995) which emphasizes the role of cognitive or contextual effect, context and processing effort. Results show that RT is able to delve into the true meanings of utterances implicit in the Tunku's speech.

*Keywords:* racial harmony, implicit meaning, relevance theory

## Pengenalan

Komunikasi khalayak sangat penting kepada seseorang pemimpin. Pernyataan ini dapat dibuktikan melalui kenyataan berikut: "Bagi pemimpin, apa-apa peristiwa yang memerlukan ucapan daripada pihaknya, bukanlah semata-mata peristiwa sosial tetapi juga merupakan pentas bagi dia mengemukakan dasar pemikiran yang kemudiannya menjadi dasar kebangsaan atau dasar negara" (Mahathir Mohamad, 2005, m.s. viii). Pemikiran yang berkaitan dengan persoalan keharmonian kaum menjadi fokus dalam kajian ini kerana persoalan ini merupakan syarat yang dikemukakan oleh kerajaan British untuk memberikan kemerdekaan kepada Tanah Melayu. Oleh itu, persoalan keharmonian kaum amat ditekankan oleh Tunku semasa ucapan. Penekanan yang dilakukan melalui ujaran tersurat mudah difahami. Bagaimanakah pula jika Tunku menggunakan ujaran tersirat (*implicit*). Sudah tentu pendengar akan menggunakan usaha memproses yang lebih tinggi. Bagaimanakah pendengar dapat menginterpretasi ujaran implisit yang terdapat dalam ucapan Tunku? Sejauh manakah penggunaan unsur implisit ini dapat menyampaikan mesej yang berkaitan dengan keharmonian antara kaum? Pernyataan masalah inilah menjadi titik tolak dan objektif kepada kajian ini dilakukan. Secara khususnya, objektif kajian ini ialah:

- (i) Menganalisis makna ujaran yang implisit dalam ucapan dengan TR.

- (ii) Membincangkan penggunaan unsur implisit dalam penyampaian persoalan keharmonian kaum kepada pendengar.

Kajian ini dilakukan terhadap tokoh negara kita (Tunku) dari perspektif bahasa kerana jarang sekali kita dapat melihat kajian tentang penggunaan bahasa oleh Tunku. Jadi kajian ini menjadi pencetus idea kepada pengkajian terhadap Tunku dari sudut pragmatik. Kajian ini memfokuskan penggunaan ujaran implisit dalam teks ucapan Tunku. Hal ini bertujuan untuk menampakkan kepentingan dan keberkesanan unsur implisit dalam penyampaian mesej. Kajian ini juga penting bagi membuktikan bahawa konteks amatlah penting dalam mentafsir makna ujaran yang implisit. Melalui ujaran implisit ini, kajian ini memberikan fokus kepada persoalan keharmonian kaum bagi membuktikan bahawa keharmonian kaum telahpun wujud sebelum negara kita merdeka lagi.

### **Tinjauan Literatur**

Menurut Shamsul Amri Baharuddin (2008), kekeruhan hubungan etnik sebelum merdeka khususnya selepas perang Dunia Kedua memang menonjol. Keadaan ini tidak mudah dikawal, atau diselesaikan seratus peratus kerana sifat masyarakat kita yang sudah terbentuk oleh sejarah: berbilang etnik, parti politik berdasarkan etnik, sistem pendidikan vernakular, serta kepentingan ekonomi yang berbeza. Wujudnya perpecahan dalam masyarakat kita akibat dasar pecah dan perintah penjajah. Walau bagaimanapun, pendapat beliau tidak selaras dengan pendapat: "Sebenarnya, keharmonian hubungan etnik melalui penerimaan budaya antara etnik telahpun dapat dilihat melalui Zaman Kesultanan Melayu Melaka lagi melalui pembinaan-pembinaan masjid iaitu menara masjid berunsurkan pagoda dan ukiran campuran bermotif tempatan, Arab dan India serta Cina" (Shamsul Amri Baharuddin, 2008b, m.s. 19). Walau bagaimanapun, kajian ini berpendapat bahawa tidak kira wujud keharmonian kaum atau tidak pada masa itu, yang pasti, teks ucapan yang digunakan sebagai data korpus dalam kajian ini sebagai bukti bahawa Tunku memandangkan persoalan ini sebagai sesuatu yang amat penting kepada masa depan negara.

### **Kaedah Kajian**

Kajian ini merupakan kajian korpus. Dalam kajian ini data korpus diperoleh daripada teks ucapan Tunku yang bertajuk 'Ucapan Ketua Menteri Mengenai Keharmonian Antara Kaum di Melaka pada 16 Februari 1957' yang diperoleh daripada Jabatan Arkib Negara Malaysia. Data dalam bentuk kata dan frasa yang dikenal pasti mempunyai makna implisit diambil

untuk kajian ini. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif. Kajian ini akan menggunakan kaedah kepustakaan dan analisis data. Sampel data kajian diperoleh daripada teks ucapan dan data-data yang dipilih ini akan dianalisis berdasarkan TR.

### **Teori Relevans (TR)**

Kajian ini diperkukuh dengan TR yang dapat membantu menginterpretasi makna ujaran implisit. TR diasaskan oleh Dan Sperber dan Deidre Wilson pada tahun 1986 melalui buku *'Relevance Communication and Cognition'* (1986). Menurut Sperber dan Wilson (1986), pragmatik memainkan peranan yang sangat penting dalam komunikasi lisan. Selain kod yang digunakan, proses inferens untuk memahami ujaran juga patut diambil kira. Kod dan inferens digabungkan untuk membolehkan manusia mencapai tahap komunikasi yang lebih canggih (Nor Hashimah Jalaluddin, 2007). Menurut Fatimah (2010) pula, dalam TR, proses inferensi ini akan membolehkan satu rumusan terhadap andaian dibuat. Oleh itu, kemungkinan memperoleh pelbagai andaian itu sebenarnya telah terlebih dahulu melalui proses inferens. Tiga gagasan utama yang ditekankan oleh TR dalam pentafsiran makna ialah konteks, kesan konteks dan kos proses. Tiga gagasan ini dibantu oleh proses penggabungan, penguatan, dan pengguguran.

### **Dapatan dan Perbincangan**

Kajian ini akan memanfaatkan tiga sampel data daripada 'Ucapan Ketua Menteri Mengenai Keharmonian Antara Kaum di Melaka pada 16 Februari 1957' iaitu daripada dua data kata (kota, racun), dan satu data frasa (satu pasar yang besar). Walaupun kajian ini hanya mengemukakan tiga data untuk dikaji, tetapi ujaran-ujaran dapat membantu menginterpretasi makna implisit data ini tetap diberikan perhatian. Hal ini selaras dalam TR yang (ujaran sebagai satu wacana, bukan satu perkataan sahaja). Tambahan pula ujaran-ujaran sebelum dan selepas ini dapat membantu menginterpretasi unsur implisit sama ada melalui penggabungan, penguatan atau pengguguran. Ujaran-ujaran yang memberikan sumbangan ini akan ditunjukkan semasa analisis TR dilakukan.

### **Objektif 1: Analisis TR terhadap Makna Ujaran Implisit Dalam Ucapan**

#### **Data (1): Analisis TR terhadap kata 'kota'**

Data (1) 'kota' dalam ucapan di atas (Rujuk Lampiran, Baris 60) telah dikesan mempunyai makna yang tersirat. Sebelum usaha menginterpretasi makna tersirat/implisit dilakukan, kajian ini terlebih dahulu mengemukakan makna linguistiknya berdasarkan penjelasan oleh Abdullah Hassan dan Ainon Mohd (2003) seperti berikut:

Data	Kategori (Kata)	Makna Literal/Linguistik
1	Kota	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Bandar , bandar raya, metro, metropolitan, metropolis, pekan, pura</li> <li>2. Adang, batas, bendungan, benteng, bidai, birai, dinding, had halangan, jerihi, jerjak, jeruji, kandang, kepungan, ke sisi, langsir, pagar, panahan, penghalang, penolak, pemantul, perisai, pelindung, sempadan, sekatan, skrin, tabir, tembok, tirai.</li> </ol>

Data (1) 'kota' di atas mudah dikesan makna linguistiknya, makna ini dapat diperoleh daripada tesaurus atau kamus. Walau bagaimanapun, makna 'kota' secara linguistik ini bukanlah makna sebenar kerana bertentangan dengan maklumat konteks. Hal ini selaras dengan pendapat Zulkifley Hamid (1991) yang mengatakan bahawa pentafsiran makna harus melibatkan aspek-aspek bukan linguistik juga di samping aspek-aspek linguistik. Di sini, petikan ucapan dikemukakan sebahagian daripada kandungan teks ucapan bagi mendapatkan konteks pemula bagi membantu menginterpretasi makna ujaran bagi data (1) ini: Ucapan ini disampaikan oleh Tunku ketika berjumpa dengan kaum Melayu, Cina dan India kerana Tanah Melayu akan merdeka tidak lama lagi. Tunku menekankan kepentingan keharmonian kaum. Tunku juga mengimbas kembali tentang cara pemerintahan British di Tanah Melayu sehingga menyukarkan usaha untuk mencapai persefahaman antara kaum. Perkataan 'kota' muncul dalam ujaran seperti berikut:

“Seperti yang kita tahu kerajaan British memerintah dengan cara dibuatkan-nya **kota**, kota itu dibuat kuat dalam masa mereka itu memerintah di negeri ini” (Rujuk Lampiran, Baris 59-61).

Jika dilihat dalam ujaran di atas, sudah tentu kerajaan bukan membina tembok batu, bandar raya, kota besar, kawasan kediaman semasa memerintah negara ini. Hal ini bermakna, makna linguistik tidak dapat memberikan makna yang sebenar yang hendak disampaikan. Terdapat unsur implisit bagi kata 'kota' dalam ujaran tersebut. Oleh itu, TR dapat membantu menyelesaikannya kerana TR membincangkan kod, inferens dan seterusnya andaian dapat membantu melengkapkan maksud implisit. Oleh itu, analisis TR terhadap data ini adalah seperti berikut:

### Analisis TR Data (1): Kota

Kod	Inferens	Andaian
Kota	Penghalang/ sesuatu yang memisahkan	a. dasar pecah dan perintah b. bandar besar yang dikelilingi benteng c. menjadi penghalang kepada sesama manusia d. batu-bata yang mengelilingi kediaman e. manusia

Melalui analisis TR, nyatalah bahawa data 'kota' mudah difahami oleh pembaca. Inferens yang dibuat daripada data 'kota' ini berkaitan dengan 'penghalang atau sesuatu yang memisahkan'. Melalui inferens ini, andaian-andaian dikemukakan di atas dibina untuk mendapatkan maksud yang lebih jelas selain makna linguistik sahaja. Andaian-andaian yang dibina ini akan menuju ke arah pengembangan konteks pemula tadi. Daripada andaian-andaian yang dibina ini, kajian ini berpendapat bahawa andaian (a) iaitu dasar 'pecah dan perintah' merupakan andaian yang paling relevan.

Kerelevanan andaian (a) sebagai makna yang sebenar dapat dibuktikan melalui maklumat tambahan atau hasil pengembangan konteks pemula tadi. Hal ini selaras dengan pendapat Sperber dan Wilson (1986) dalam Nor Hashimah Jalaluddin (1999) yang mengatakan bahawa sesuatu andaian mesti dihubungkan dengan konteks bagi melahirkan implikasi/kesan konteks. Dalam TR konteks pemula dapat dikembangkan iaitu: (1) melihat ke arah ujaran terdahulu; (2) melihat ke alam persekitaran; (3) merujuk kepada catatan ensiklopedia bagi istilah-istilah yang telah digunakan dalam ujaran dan konteks (dalam Nor Hashimah Jalaluddin, 1992). Salah satu daripada caranya ialah melalui penguatan maklumat melalui ujaran terdahulu. Ujaran terdahulu yang dimaksudkan ialah bahagian yang bergaris dalam ungkapan berikut:

“Seperti yang kita tahu kerajaan British memerintah dengan cara dibuatkan-nya **kota**....” (Rujuk Lampiran, Baris 59-60)

Melalui ujaran terdahulu di atas, Kajian ini menggunakan konsep '*ad-hoc*' yang dibenarkan dalam TR iaitu *ad-hoc* penyempitan. Ujaran lain '*memerintah dengan cara*.' telah membantu dalam penginterpretasian makna yang sebenar. Frasa '*memerintah dengan cara*' bukan sahaja telah membantu menyempitkan maksud 'kota' kepada skop yang lebih kecil tetapi juga menjadi rujukan kepada pendengar untuk dikaitkan dengan dasar pemerintahan Inggeris. Penggunaan *ad hoc* penyempitan bukan sahaja telah menafikan makna linguistik sebagai makna sebenar tetapi juga memudahkan proses mendapatkan makna sebenar data 'kota'.

Ujaran terdahulu “...*kerajaan British memerintah dengan cara ..*” telah memperkukuh andaian bahawa ‘kota’ yang dimaksudkan ini ialah ‘dasar pecah dan perintah’ kerana dasar ini diamalkan oleh Inggeris semasa memerintah Tanah Melayu. Penggabungan andaian dengan maklumat baharu (ujaran terdahulu) ini mengesahkan andaian (a) sebagai makna yang sebenar. Hal ini kerana hasil penggabungan antara andaian (a) dengan ujaran terdahulu ini dapat menimbulkan kesan konteks. Dengan ini, andaian-andaian lain yang tidak berkaitan dengan dasar pemerintahan Inggeris akan dianggap bertentangan dengan maklumat konteks tersebut. Pertentangan maklumat ini akan menyebabkan andaian-andaian tersebut menjadi lemah. Oleh itu, pendengar akan menggugurkan andaian-andaian yang lemah ini. Pengguguran andaian ini akan memudahkan usaha memproses pendengar bagi mendapatkan maklumat yang lebih relevan. Selain itu, ujaran wujud selepasnya juga telah dikesan dapat membantu mengesahkan andaian (a) sebagai makna yang sebenar. Ujaran wujud selepasnya yang dimaksudkan ialah:

“... perkakas-perkakas yang boleh merobohkan atau meruntuhkan kota itu. Perkakas-perkakas itu ialah education pelajaran’ (Rujuk Lampiran, Baris 64-65)

Ujaran wujud selepasnya di atas telah menggugurkan andaian (b) bandar besar yang dikelilingi benteng, andaian (c) menjadi penghalang kepada sesama manusia, dan andaian (d) batu-batu yang mengelilingi kediaman kerana andaian-andaian tersebut ‘tidak mungkin dirobuhkan dengan pelajaran’. Pertentangan berlaku antara andaian (b), (c), dan (d) dengan maklumat konteks iaitu “...perkakas-perkakas yang boleh merobohkan atau meruntuhkan kota itu. Perkakas-perkakas itu ialah education pelajaran’. Pertentangan andaian dengan maklumat konteks telah membawa pengguguran andaian-andaian tersebut. Selepas andaian yang tidak relevan digugurkan, maka usaha memproses menjadi semakin mudah. Keadaan ini akan menambahkan kerelevanan andaian iaitu ‘Dasar Pecah dan Perintah’ ialah makna sebenar penutur.

Selain sumbangan ujaran terdahulu dan ujaran wujud selepasnya dalam membantu menginterpretasi makna implisit bagi data ‘kota’ ini. Pengetahuan dan pengalaman sedia ada pendengar juga dapat membantu mengesahkan andaian (a) dan pada masa yang sama menafikan andaian-andaian lain. Hal ini kerana pendengar atau rakyat Tanah Melayu pada masa itu rata-ratanya sememangnya hidup terpisah dan adanya jurang interaksi dengan kaum-kaum lain. Keadaan ini dikaitkan dengan Inggeris kerana faktor ekonomi. Sememangnya menjadi pengetahuan dan pengalaman rakyat Tanah Melayu bahawa sumber ekonomi pelbagai kaum adalah berbeza: orang Cina kebanyakannya di lombong-lombong dan

bandar, orang India di estet-estet, manakala orang Melayu sebagai nelayan dan tinggal di kawasan berhampiran sungai atau persisiran pantai. Keadaan tersebut menyempitkan ruang untuk berinteraksi sesama kaum. Hubungan antara kaum ini semacam terhalang oleh sesuatu. Pengalaman hidup mereka ini memudahkan pentafsiran makna "... kerajaan British memerintah dengan cara dibuatkan-nya **kota**..." sebagai sesuatu yang ada kaitan dengan pemerintahan Inggeris. Penggabungan atau interaksi antara andaian (a) dengan pengetahuan sedia ada pendengar ini dapat menimbulkan kesan konteks.

Sebenarnya, kebenaran makna implisit 'kota' sebagai 'Dasar Pecah dan Perintah' ini dapat dibuktikan melalui pernyataan Tunku seperti berikut:

"...haruslah diingat bahawa sejak beberapa keturunan dulu ketigatiga kaum ini menjalani kehidupan yang berlainan, hidup bersama-sama di bumi yang sama tetapi secara berasingan, semuanya mangsa daripada rukun dasar penjajahan-'Bahagi dan Perintah'" (Tunku Abdul Rahman, 1980).

Sebagai kesimpulannya, set andaian di atas ini akan terhasil dalam minda pendengar. Mereka akan memproses set andaian tersebut secara psikologi. Proses psikologi ini dibuat secara inferens bagi menghasilkan kesan konteks yang paling relevan dengan konteks asal. Dengan berdasarkan konteks yang dibekalkan dalam teks sumber maka andaian 'dasar pecah dan perintah' merupakan andaian yang paling relevan. Andaian lain yang tidak konsisten dengan konteks asal teks sumber digugurkan. Oleh itu, andaian 'dasar pecah dan perintah' menjadi kesan konteks sebenar. Dengan kata lain, makna sebenar yang ingin disampaikan oleh Tunku ialah 'Dasar Pecah dan Perintah'.

#### **Data (2): Analisis TR terhadap kata 'racun'**

Data (2) 'Racun' (Rujuk Lampiran, Baris 55) telah dikesan mempunyai makna yang tersirat. Pentafsiran makna tersirat bagi 'racun' sudah tentu dipengaruhi oleh konteks. Konteks ini bukan sahaja dapat dikesan melalui tarikh ucapan tersebut (enam bulan sebelum tarikh kemerdekaan iaitu 31 Ogos 1957), tetapi juga tajuk ucapan, ujaran-ujaran dan keseluruhan teks ucapan berkenaan. Pendek kata, semua maklumat tambahan yang dikenal pasti dapat membantu menginterpretasi maksud implisit akan diambil kira kerana maklumat tambahan ini merupakan konteks. Apabila maklumat tambahan ini diproses bersama dengan maklumat baharu, maka akan menghasilkan kesan konteks. Kesan konteks ini akan mempengaruhi kerelevanan sesuatu ujaran. Menurut Nor Hashimah Jalaluddin (1991), dalam TR, semakin tinggi kesan konteks sesuatu andaian itu, semakin tinggilah kerelevanan ujaran tersebut. Sebelum melakukan analisis TR tentang perkataan 'racun' ini, kajian ini berpendapat bahawa suasana ketika



ucapan ini harus dihuraikan secara umum supaya konteks ucapan ini lebih jelas agar dapat membantu usaha memproses (Rujuk Lampiran).

Tarikh yang tercatat pada ucapan itu telah menggambarkan suasana persediaan ke arah kemerdekaan Tanah Melayu. Tunku dan rombongan telah dijanjikan kemerdekaan Tanah Melayu pada 31 Ogos 1957 semasa rundingan dengan pihak British di London. Dalam ucapan itu ada disentuh 'Tidak berapa lagi kita akan merdeka'. Tunku perlu meyakinkan pihak British tentang kemampuan rakyat Tanah Melayu memerintah sendiri dan keharmonian kaum di Tanah Melayu terpelihara. Salah satu cara yang dilakukan oleh Tunku adalah melalui ucapan beliau supaya rakyat bersatu padu.

Gambaran yang diberikan di atas telah memberikan konteks pemula bagi membantu menginterpretasi makna yang tersirat dalam perkataan 'racun'. Oleh itu, kajian ini berpendapat bahawa dengan menggunakan TR, maksud tersirat bagi perkataan 'racun' dapat dihuraikan. Data (2) iaitu perkataan 'racun' pada peringkat makna harfiahnya berdasarkan penjelasan Abdullah Hassan dan Ainon Mohd (2003) seperti berikut:

Data	Kategori (Kata)	Makna Linguistik
2	Racun	Bias, pembunuh, pemusnah, perosak, santau, sengat, toksin, tuba, ubat

Perkataan 'racun' muncul dalam ungkapan:

"Inilah tiga perkara yang menjadi racun yang besar kepada mana-mana negeri pun, kepada mana-mana bangsa pun" (Rujuk Lampiran, Baris 55-56).

Makna pada peringkat harfiah ini mudah difahami secara linguistik tetapi tidak dapat memberikan makna yang sebenar yang hendak disampaikan kerana bertentangan dengan maklumat konteks. Hal ini selaras dengan pendapat Hasmidar Hassan (2006) yang mengatakan bahawa ada kalanya bentuk logik yang didekod secara eksplisit tidak dapat difahami makna ujarannya kerana maknanya yang tersirat di sebalik bentuk yang dikodkannya. Oleh itu, analisis data ini dengan TR dilakukan seperti berikut:

### Analisis TR Data (2): Racun

Kod	Inferens	Andaian
Racun	Sesuatu yang memudaratkan	a. masalah b. pembunuh c. ketakutan d. pergaduhan

Setelah analisis TR dilakukan, inferens dapat dikesan iaitu 'sesuatu yang memudaratkan'. Setelah konteks dapat dikenal pasti, kajian ini berpendapat bahawa penginterpretasian data (2) menjadi lebih mudah dengan melihat ujaran terdahulu dan pengetahuan atau pengalaman sedia ada pendengar untuk mengesahkan konteks tersebut.

Memandangkan ujaran terdahulu penting untuk membantu menginterpretasi makna sesuatu ujaran kerana kemampuannya membentuk konteks sesuatu ujaran, maka ujaran terdahulu yang dapat membantu menginterpretasi makna 'racun' dikemukakan seperti berikut:

Ujaran	Lampiran (Baris)
Negeri ini tak boleh senang.	A (28)
Apabila hendak merdeka masing-masing sudah naik takut, takut itu, takut ini, takut hak Melayu hilang. Hilang itu, hilang ini.	A (30-32)
Orang-orang China yang takut Melayu nak mengamuk.	A (47)

Ujaran-ujaran terdahulu di atas memberikan gambaran tentang suasana yang penuh kebimbangan dan saling tidak mempercayai antara satu sama lain sedangkan negara ini hendak merdeka. Suasana ini membawa kemudaratkan kepada cita-cita hendak merdeka. Jadi, kajian ini mendapati bahawa andaian (a) dan ujaran-ujaran terdahulu di atas mempunyai konteks yang sama iaitu situasi yang menjadi penghalang kepada perpaduan negara kerana situasi tersebut menggambarkan suasana saling tidak mempercayai antara satu sama lain. Dengan ini, andaian telah diperkukuh oleh konteks sehingga mewujudkan kesan konteks. Apabila adanya kesan konteks, maka maklumat tersebut menjadi relevan kepada pendengar. Hal ini telah dapat dibuktikan melalui penggabungan maklumat sedia ada dengan maklumat baharu sebagaimana yang disebut dalam analisis TR. Makna sebenar data (2) 'Racun' terhasil iaitu 'masalah'. 'Masalah' ini timbul kerana sikap ketiga-tiga kaum di Tanah Melayu pada masa itu sebagaimana yang digambarkan melalui ujaran terdahulu Tunku iaitu 'Masing-masing keluarkan cakap yang bukan-bukan, bukan kerana apa, bukan kerana ada sebab, semuanya takut, bimbang, tak percaya'.

Sebenarnya, andaian (a) sebagai makna sebenar bagi data (2) juga dapat dapat dibuktikan melalui proses penguatan dalam TR iaitu andaian (a) diperkukuh melalui faktor persekitaran pendengar. Pada ketika itu, pendengar yang terdiri daripada pelbagai kaum sememangnya mengalami kehidupan seperti yang digambarkan oleh Tunku iaitu:

“Masing-masing yang keluarkan cakap yang bukan-bukan, bukan kerana apa, bukan kerana ada sebab, semuanya adalah kerana takut, bimbang dan tak percaya. Inilah tiga perkara yang menjadi racun yang besar kepada mana-mana negeri pun, kepada mana-mana bangsa pun.”(Rujuk Lampiran, Baris 52-56)

Oleh sebab itu, apabila ujaran ‘Inilah tiga perkara yang menjadi racun yang besar...’ dikemukakan oleh Tunku. Pendengar yang dapat mengaitkan andaian (a) dengan pengalaman mereka pada masa itu yang menghadapi pelbagai masalah. Oleh itu andaian (a) mempunyai kesahan yang tinggi kerana kesan konteks yang tinggi. Pendengar mudah memproses makna implisit yang terdapat dalam data (2) ini.

Andaian-andaian lain (b) pembunuh, (c) ketakutan, (d) pergaduhan adalah lemah kerana bertentangan dengan konteks. Jadi andaian-andaian yang lemah akan digugurkan. Menurut Sperber dan Wilson (1986) (dalam Nor Hashimah Jalaluddin, 1990), lebih banyak andaian yang digugurkan, maka ujaran itu menjadi semakin kuat dan bertambah relevan. Dalam hal ini, pengguguran andaian (b), (c), dan (d) akan menjadikan andaian (a) sebagai makna implisit yang disampaikan oleh Tunku.

Kesimpulannya, jelaslah bahawa data (2) iaitu kata ‘racun’ ini mempunyai makna yang tersirat. Jika kata ‘racun’ hanya dilihat dari segi makna linguistik, maka tidak akan nampak ada korelevanan maksudnya dalam konteks yang diberikan. Dengan TR, ternyatalah bahawa di sebalik makna linguistik, ada makna yang tersirat daripada kata ‘racun’ iaitu bermaksud ‘masalah’ kepada sesuatu rancangan.

### **Data (3): Analisis TR terhadap Frasa ‘Satu Pasar Yang Besar’**

Data (3) ini iaitu ‘Satu Pasar Yang Besar’ (Rujuk Lampiran, Baris 23-24) diletakkan di bawah frasa kerana ‘satu pasar yang besar’ terdiri daripada gabungan dua perkataan atau lebih. Dalam ungkapan ‘... negeri ini akan jadi pasar yang besar...’. Frasa ‘akan jadi pasar yang besar’ merupakan bahagian predikat ayat yang dibina daripada frasa kerja dengan kata inti ‘jadi’. Oleh sebab kata ‘jadi’ merupakan kata kerja tak transitif berpelengkap, maka ‘pasar yang besar’ sebagai pelengkapannya. Kata inti bagi frasa ‘satu pasar yang besar’ ialah ‘pasar’. Data (3) iaitu frasa ‘satu pasar yang besar’ pada peringkat makna harfiahnya berdasarkan penjelasan Abdullah Hassan dan Ainon Mohd. (2003) seperti berikut:

Data	Kategori (Frasa)	Makna Linguistik
3	satu pasar yang besar	<b>Satu</b> – cantum, eka, esa, gabung, homogenus, ketemu, lekat, mono-, mutrad, rapat, se-, singular, tembungkan, temukan, tunggal, tauhid, unik, wahid, <b>Pasar</b> – bazaar, gerai, kafe, kedai, market, pekan, restoran, warung. <b>Yang</b> – bahawa, maka <b>Besar</b> – agam, agung, atasan, berkedudukan, berat, berpangkat, hormat, mulia, banyak, lebat, majoriti, mustahak, penting, perdana, pertama, pokok, primer, priority, terkedepan, ulung, unggul, utama

Dengan berdasarkan makna linguistik di atas, 'satu pasar yang besar' telah dijelaskan sebagai 'satu tempat berjual yang mempunyai kegiatan perniagaan yang meluas dan hasil pengeluarannya tinggi'. Walau bagaimanapun, makna linguistik tersebut jelas tidak memaparkan makna sebenar yang hendak dikemukakan oleh Tunku kerana frasa ini tidak selaras dengan konteks ujaran. Hal ini kerana kata inti 'pasar' sekadar membawa maksud tempat menjual (biasanya barang-barang) makanan keperluan sehari-hari, dan 'pasar' juga merujuk tempat lapangan. Makna linguistik ini memang dinafikan sebagai makna sebenar kerana sasaran Tunku jauh daripada itu iaitu 'negeri ini akan satu jadi negeri dalam Asia Timur yang tidak ada bandingnya'. Walau bagaimanapun, makna linguistik ini amat membantu untuk menginterpretasi makna implisitnya. Hal ini selaras dengan pendapat Fatimah Subet (2010) yang mengatakan bahawa dalam pragmatic, biasanya makna linguistik yang akan memberikan laluan kepada penemuan makna implisit. Penggunaan 'satu pasar yang besar' dipaparkan dalam ujaran berikut:

"... saya mimpi bahawa negeri ini akan jadi satu pasar yang besar di manasahaja bangsa-bangsa yang duduk berjiran dan berdekatan dengan kita akan datang buat perniagaan yang besar..." (Rujuk Lampiran, Baris 23-25)

Bagi mendapatkan makna sebenar bagi data (3) ini, ungkapan yang paling hampir dikemukakan sebagai membentuk konteks pemula:

Dalam ucapan tersebut, Tunku membayangkan keadaan negara selepas mencapai kemerdekaan. Tunku membayangkan negara kita akan selamat, aman dan makmur. Negara kita akan menjadi sebuah negara yang tidak ada bandingnya di Asia Timur ini. Tunku menyatakan bahawa negara ini akan jadi satu pasar yang besar iaitu bangsa-bangsa yang duduk berjiran atau berdekatan akan datang buat perniagaan yang besar.

Daripada makna linguistik data (3) ini, pendengar dapat mengaitkan maksud 'tempat berniaga' ini sebagai 'perniagaan'. Makna implisit akan dapat dicari dengan aplikasi TR melalui penentuan inferens dan andaian. Andaian-andaian bagi frasa 'satu pasar yang besar' adalah seperti berikut:

#### **Analisis TR** Data (3): Satu pasar yang besar

Kod	Inferens	Andaian
Pasar	Ekonomi	a. tumpuan rakyat negara lain b. Pusat ekonomi serantau c. keharmonian kaum

Andaian-andaian awal di atas dapat dikukuh dengan ujaran terdahulu. Ujaran terdahulu yang dapat membantu menginterpretasi makna implisit adalah seperti berikut:

“Apabila merdeka ia akan jadi satu negeri yang selamat, negeri yang aman dan makmur” (Rujuk Lampiran, Baris 18-19).

Daripada ungkapan di atas, Tunku menyatakan bahawa negeri ini akan selamat, aman, dan makmur apabila merdeka. Kata 'makmur' dari segi makna linguistik merujuk 'mempunyai hasil yang banyak, mempunyai penduduk yang banyak dan cukup kehidupan, hidup mewah'. Sebagai maklumat ensiklopedia, rakyat tahu bahawa kemakmuran ini berkait rapat dengan kekayaan negara dengan hasil yang banyak. Rakyat juga tahu bahawa kemakmuran ini hanya akan dapat dinikmati jika negara selamat dan aman kerana bebas daripada ancaman bahaya. Dari segi ekonomi, negara akan bertambah makmur jika ada perdagangan dengan negara luar. Salah satu faktor yang mempengaruhi perdagangan luar ialah keselamatan negara. Tiada pelabur atau pedagang asing yang suka mengambil risiko dengan menjalankan aktiviti perniagaan di negara yang huru-hara. Oleh sebab itu, Tunku mengatakan bahawa:

“apabila merdeka, ia akan jadi satu negeri yang selamat, negeri yang aman dan makmur... negeri ini akan jadi satu pasar yang besar...” (Rujuk Lampiran, Baris 18-19, 23-24)

Ungkapan Tunku akan membayangkan negara ini akan dapat menjadi 'pusat ekonomi serantau' yang menjadi tumpuan pedagang/pelabur asing. Jadi andaian (b) adalah paling relevan kerana kerana selaras dengan pengetahuan sedia ada pendengar dan dapat mempunyai kesan konteks yang tinggi. Pengetahuan sedia ada yang dimaksudkan di sini ialah pengetahuan dan pengalaman pendengar khususnya rakyat Melaka tentang

kemakmuran Melaka pada Zaman Kesultanan Melayu Melaka. Pada ketika itu, Melaka pernah menjadi pusat perdagangan antarabangsa sehingga pedagang segenap pelosok dunia khususnya pedagang Eropah, Arab dan China datang berniaga di Melaka. Pada ketika itu, Melaka menjadi pusat persinggahan kapal-kapal pedagang. Maklumat ensiklopedia akan membantu pendengar menginterpretasi makna 'satu pasar yang besar' yang diucapkan oleh Tunku kerana ternyata andaian (b) iaitu 'pusat ekonomi serantau' adalah selaras dengan pengetahuan sedia ada pendengar. Oleh itu, data (3) ini memberikan kesan konteks yang tinggi kerana usaha memproses adalah rendah. Kerelevanan andaian (b) ini juga dapat diperkukuh dengan ujaran selepas itu. Hal ini selaras dengan TR yang menyentuh bahawa proses penguatan iaitu andaian awal tadi dapat diperkukuh dengan maklumat baharu yang dikemukakan. Hal ini dapat dilakukan dengan melihat ujaran lain yang boleh membantu dalam penginterpretasian makna. Maklumat baharu yang dimaksudkan ialah ungkapan yang hadir selepas 'satu pasar yang besar' iaitu:

“... bangsa-bangsa yang duduk berjiran atau berdekatan dengan kita akan datang buat perniagaan yang besar-besar...” (Rujuk Lampiran, baris 24-25).

Dalam ungkapan ini, kata 'perniagaan' dan 'bangsa-bangsa yang duduk berjiran' jika dihubungkan akan membawa maksud pedagang luar akan datang ke negara kita untuk berniaga'. Sebagai maklumat ensiklopedia, tempat berniaga biasanya berlaku di pasar tetapi perniagaan yang melibatkan pedagang luar sudah pun melibatkan perdagangan antarabangsa atau antara negara. Oleh yang demikian, 'satu pasar yang besar' amatlah jelas membawa maksud 'pusat ekonomi serantau'.

Andaian-andaian lain (a) dan (c) yang bertentangan dengan maklumat konteks ini digugurkan. Pengguguran ini akan memudahkan usaha memproses andaian yang lain. Pengguguran andaian (a) dan (c) juga menguatkan andaian (b) sebagai makna implisit Tunku.

Sebenarnya, keinginan Tunku untuk menjadikan Tanah Melayu sebagai satu pasar yang besar (pusat ekonomi serantau) memang dihasratkan oleh Tunku melalui ungkapan berikut:

“banyaklah waktu yang saya gunakan bagi memikirkan cara-cara yang paling baik bagi menjadikan Tanah Melayu kita yang baru ini sebagai pusat budaya, sosial, perdagangan, ekonomi dan kegiatan-kegiatan lainnya di Asia Tenggara” (Tunku Abdul Rahman, 1980).

## **Objektif 2: Penggunaan Unsur Implisit dalam Penyampaian Persoalan Keharmonian Kaum**

Dengan berdasarkan data-data kajian, didapati bahawa Tunku menggunakan unsur implisit dengan sebaik-baiknya untuk menyampaikan persoalan keharmonian kaum. Melalui data 'Kota' yang bermaksud 'dasar Pecah dan Perintah', Tunku mengaitkan data 'kota' sebagai punca tiadanya keharmonian kaum. Keadaan ini digambarkan melalui ungkapan berikut:

“Haruslah diingat bahawa sejak beberapa keturunan dulu ketiga-tiga kaum ini menjalani kehidupan yang berlainan, hidup bersama-sama di bumi yang sama tetapi secara berasingan, semuanya mangsa dari rukun dasar penjajahan - Bahagi dan perintah”. (Tunku Abdul Rahman, 1980)

Ungkapan di atas menunjukkan bahawa setelah beberapa keturunan di bawah pemerintahan Inggeris yang mengamalkan Dasar Pecah dan Perintah, tugas untuk menyatupadukan rakyat yang berbilang kaum menjadi sukar. Inilah yang dikatakan sebagai punca untuk mewujudkan keharmonian kaum sukar dicapai. Kesan dasar dan perintah dapat digambarkan melalui ungkapan berikut:

“kami sedar bahawa tugas itu tidaklah mudah, malah sukar. Paling penting ialah bagaimana hendak mengatasi perasaan selamat yang palsu di kalangan pelbagai kaum yang telah hidup di bawah naungan Inggeris selama beberapa keturunan yang lalu. Sesetengah orang kecut perutnya kerana takut apa yang mungkin terjadi, baik kepada diri sendirinya mahupun kepada kaumnya...”. (Tunku Abdul Rahman, 1980)

Oleh itu, Ungkapan '*kerajaan British memerintah dengan cara dibuatkannya kota*' sebenarnya bertujuan untuk memberikan pendidikan dan nasihat iaitu membangkitkan kesedaran kepada rakyat tentang cara pemerintahan British. 'Kota' digunakan kerana perkataan ini dari segi makna linguistik membawa makna tembok atau benteng. Perkataan ini mudah difahami maknanya kerana sebatik dalam kehidupan rakyat. Benteng atau tembok yang dibina akan menghalang penglihatan dan pergerakan. Kebiasaannya, manusia tidak berasa selesa jika ada penghalang di hadapannya kerana pergerakan dan kebebasan akan tersekat. Ungkapan '*Kerajaan British memerintah dengan cara dibuatkannya kota*' secara linguistiknya membawa maksud kerajaan Inggeris memerintah dengan cara dibina kota, tembok, atau benteng. Corak pemerintahan ini telah memisahkan setiap kaum di Tanah Melayu sehingga tiada perpaduan antara rakyat di Tanah Melayu. Sebagai akibatnya, timbullah suasana di Tanah Melayu seperti yang tergambar dalam ujaran berikut:

“ ... jika ada syak wasangka antara satu dengan lain, maka selama-lamanya negeri ini tak boleh senang”. (Rujuk Lampiran, Baris 27-28)

Ungkapan-ungkapan di atas menggambarkan rakyat pelbagai kaum mempunyai perasaan takut, bimbang dan tak percaya. Tunku menyifatkan ketiga-tiga perasaan ini akan menjadi ‘racun’ kepada negara kita. Ujaran implisit ‘racun’ juga mempunyai unsur nasihat yang cuba disampaikan oleh Tunku, Tunku menggunakan perkataan ‘racun’ untuk merujuk takut, bimbang dan tak percaya sesama kaum. Penggunaan racun amat mudah difahami kerana makna linguistik ‘racun; ialah ‘bahan yang berbisa dan boleh mematikan atau membawa maut (kalau dimakan dan lain-lain). Oleh itu Tunku menasihati rakyat supaya menjauhi sifat-sifat seperti ‘racun’ tersebut. Bagi mengikis perasaan takut, bimbang dan tak percaya yang disifatkan oleh Tunku sebagai ‘menjadi racun’, sebaliknya, Tunku cuba menggambarkan keadaan negara jika adanya keharmonian antara kaum. Gambaran ini dapat dilihat dalam ucapan Tunku:

“Memang saya mimpi dan angan-angan saya yang tinggi bahawa negeri ini akan jadi satu negeri dalam Asia Timur yang tidak ada bandingnya. Maka saya angan-angan dan saya mimpi bahawa negeri ini akan jadi satu pasar yang besar di mana sahaja bangsa-bangsa yang duduk berjiran atau berdekatan dengan kita akan datang buat perniagaan yang besar...” (Rujuk Lampiran, Baris 21-25)

Melalui ungkapan di atas, jelas menunjukkan harapan Tunku ialah negara kita akan ‘tidak ada bandingannya dalam Asia Timur’ dan negara ini akan menjadi satu pasar yang besar’. Pasar yang besar dari segi makna linguistik ialah “satu tempat berjual yang mempunyai kegiatan perniagaan yang meluas dan hasil pengeluarannya tinggi’. Daripada makna linguistik ini, amat mudah bagi pendengar mengetahui makna tersiratnya iaitu ‘pusat ekonomi serantau’ kerana perniagaan amat sinonim dengan ekonomi’. ‘serantau’ pula dimaksudkan kerana menurut Tunku ‘bangsa-bangsa yang duduk berjiran atau berdekatan dengan kita akan datang buat perniagaan yang besar’ di Tanah Melayu. Inilah harapan Tunku yang cuba digambarkan melalui ‘satu pasar yang besar’. Kemampuan Tanah Melayu menjadi pusat ekonomi serantau hanya dapat dicapai jika wujudnya persefahaman antara kaum di Tanah Melayu dengan mengikis syak wasangka antara satu sama lain kerana perasaan ini akan menjadi racun kepada masa depan negara. Seruan Tunku dapat digambarkan melalui ungkapan:

“Hapuskanlah syak wasangka itu, kerana negeri ini dalam fikiran saya apabila merdeka ia akan jadi satu negeri yang selamat, negeri yang aman dan makmur...”. (Rujuk Lampiran, Baris 17-19)



## Kesimpulan

Penggunaan TR yang mengambil kira kod, inferens dan andaian di samping menekankan peranan konteks, Kesan konteks dan usaha proses dalam menginterpretasi ujaran implisit telah membolehkan pendengar mendapatkan makna yang sebenar. Apabila makna ujaran yang implisit mampu diterokai, maka pemikiran Tunku berkaitan dengan keharmonian kaum telah dapat difahami oleh pendengar khususnya sebab dan kesan buruk jika tiada keharmonian kaum di negara ini. Dalam teks ucapan yang dikaji, penggunaan unsur implisit dalam bentuk kata dan frasa tidak sedikit pun menjejaskan pemahaman pendengar walaupun melanggar maksim kerjasama yang dikemukakan oleh dikemukakan oleh Grice (1975). Sebaliknya penggunaan ujaran implisit ini dapat menyampaikan makna dengan lebih berkesan.

## Rujukan

- Abdullah Hassan & Ainon Mohd. (2003). *Tesaurus Bahasa Melayu*. Bentong: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Fatimah Subet (2010). *Interprestasi Makna Bahasa Figuratif Sebagai Cerminan Emosi: Satu Analisis Teori Relevans*. Tesis Ph.D. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Grice, H. P. (1975). *Logic and Conversation*. Dalam P. Cole & J. L. Morgan. *Syntax and Semantic 3: Speech Acts*. New York: Seminar Press.
- Hasmidar Hassan (2006). *Kata Hubung ' dan ' dan ' tetapi': Satu Analisis Perbandingan Nahu dan Pragmatik*. Tesis Ph.D. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mahathir Mohamad (2005). *Bahasa, Sastera, dan Tamadun Melayu: Ucapan Tun Dr. Mahathir Mohamad 1982-2002*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad Fauzi Jumingan (2004). *Penterjemahan Simpulan Bahasa Arab-Melayu: Satu Analisis Teori Relevans*, Universiti Putra Malaysia. [http://psasir.upm.edu.my/3464/1/Penterjemahan Simpulan Bahasa Arab-Melayu\\_Satu\\_Analisis\\_Teori\\_Relevans.pdf](http://psasir.upm.edu.my/3464/1/Penterjemahan_Simpulan_Bahasa_Arab-Melayu_Satu_Analisis_Teori_Relevans.pdf) (dalam talian, 20 September 2011).
- Nor Hashimah Jalaluddin (1990). *Semantik dan Pragmatik Dalam Teori Relevans*. *Jurnal Dewan Bahasa* Jun 1990 (450-459). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nor Hashimah Jalaluddin (1991). *Keimplisitan Ujaran: Satu Analisis Teori Relevans*. *Jurnal Dewan Bahasa* (474-483). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nor Hashimah Jalaluddin (1992). *Semantik dan Pragmatik: Satu Pengenalan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nor Hashimah Jalaluddin. 2007. *Bahasa dalam Perniagaan: Satu Analisis Semantik dan Pragmatik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Shamsul Amri Baharuddin (2008a). *Hubungan Etnik di Malaysia: Mencari dan Mengekal Kejernihan dalam Kekeruhan*, kertas latar yang pernah dibentangkan di Mesyuarat Majlis Penasihat Perpaduan Negara, anjuran JPNIN, 18 Oktober 2008 di Kota Kinabalu, Sabah. <http://ewarga4.ukm.my/ewarga/pdf/102008/29-96-3.pdf> (dalam talian 24 Julai 2012).
- Shamsul Amri Baharuddin (pnyt.) (2008b). *Modul Hubungan Etnik* Shah Alam: Universiti Teknologi Mara.
- Sperber, D., & Wilson, D. (1986). *Relevance: Communication and Cognition*. Oxford: Blackwell.
- Sperber, D., & Wilson, D. (1999). *Relevans Komunikasi dan Kognisi*. (Terjemahan oleh Nor Hashimah Jalaluddin). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Tunku Abdul Rahman Putra (1980). *Pandang Balik*. Petaling Jaya: Heinemann Educational Books (Asia) Ltd.
- Zaitul Azma Zainon Hamzah (2005). Bahasa, Konteks dan Pemikiran kanak-kanak: Satu Analisis Pragmatik. *Jurnal Bahasa*, 2 Jun 2005. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zulkifley Hamid (1991). Pentafsiran Makna: Pragmatik Sebagai Kaedah Yang Lebih Lengkap. *Jurnal Bahasa*, Julai 1991. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

## Lampiran

### Petikan Ucapan Ketua Menteri Mengenai Keharmonian Antara Kaum di Melaka Pada 16 Februari 1957

11 ...Negeri ini telah diduduki oleh berbagai bangsa sejak berapa zaman dahulu,  
 12 iaitu sejak daripada pihak British datang ke sini, kita sekalian telah duduk  
 13 dengan baik. Jadi sekarang ini apabila kita hendak mencapai kemerdekaan  
 14 ramai orang naik bimbang, naik takut. Orang-orang Melayu takut hilang  
 15 haknya, orang China dan orang India takut mendapat susah apabila negeri ini  
 16 Merdeka. Jadi memang ini satu perubahan adalah datangnya berbagai-bagai  
 17 fikiran, berbagai-bagai syak wasangka. Hapuskanlah syak wasangka itu,  
 18 kerana negeri ini dalam fikiran saya apabila merdeka ia akan jadi satu negeri  
 19 yang selamat, negeri yang aman dan makmur dan saya tidak was-was lagi di  
 20 atas keadaan negeri ini apabila merdeka.

21 ...Memang saya mimpi dan angan-angan saya yang tinggi bahawa negeri ini  
 22 akan jadi satu negeri dalam Asia Timur yang tidak ada bandingannya. Maka  
 23 saya angan-angan dan saya mimpi bahawa negeri ini akan jadi satu pasar  
 24 yang besar di mana sahaja bangsa-bangsa yang duduk berjiran atau  
 25 berdekatan dengan kita akan datang buat perniagaan yang besar asalkan  
 26 masing-masing kenalah\_tolong bekerjasama supaya selamat negeri ini. Saya  
 27 nampak jikalau kita tidak bekerjasama, jika kita ada syak wasangka antara satu  
 28 dengan lain maka selama-lamanya negeri ini tak boleh senang. Sekarang  
 29 orang-orang Melayu yang mula-mulanya menjerit dan berkeriau kehendak  
 30 kepada merdeka dan berani untuk menghadap segala-galanya, tiba-tiba apabila  
 31 hendak sampai merdeka masing-masing sudah naik takut, takut itu, takut ini,  
 32 takut hak Melayu hilang itu, hilang ini. Kalau kita berani untuk merdeka apa  
 33 benda yang kita nak takut. Kalau takut hendak hilang itu dan ini macam mana  
 34 kita berani hendak, tuntutan merdeka itu saya beritahu di mana-mana sahaja  
 35 kepada bangsa saya.

36 ... Orang-orang China pula takut kalau negeri ini kerajaan British tidak di sini  
 37 barangkali orang Melayu hendak mengamuk, orang Melayu hendak itu dan ini,  
 38 nak bermaharajalela dan sebagainya. Saya kata dahulu pada Kerajaan British  
 39 ada di sini orang-orang Melayu dan orang-orang China telah pun duduk sama  
 40 sekali. Dahulu daripada Kerajaan British ada di sini kita biasa juga senang dan  
 41 biasa jumpa kaya cara masa zaman itu. Kepada orang China yang takut saya  
 42 nak tanya nak takut apa. Kalau ada perubahan besar, Administration atau  
 43 Pentadbiran negeri ini pun akan jalan sebagaimana yang biasa kerana kita tak  
 44 ada orang, kita kata kita minta pertolongan pegawai-pegawai British duduk sini

45 selama kita belum sedia mengambil tempat itu supaya kita boleh biasa, boleh  
46 belajar buat kerja itu bukan kita hendak adakan perubahan dengan terkejut,  
47 tidak. Orang-orang China yang takut Melayu nak mengamuk, nak mengamuk  
48 apa. Kalau kita hendak mengamuk apakah kita hendak askar-askar British  
49 duduk di sini lagi, adakah kita hendak askar British ditempatkan di sini kalau  
50 Melayu cadang hendak mengamuk, kalau Melayu cadang hendak bunuh  
51 bangsa lain, adakah kita hendak buat satu perjanjian dengan Kerajaan British  
52 mengadakan askar-askar British di sini. Fikirlah. Masing-masing yang keluaran  
53 cakap yang bukan-bukan itu, bukan kerana apa, bukan kerana ada sebab,  
54 semuanya adalah kerana takut, bimbang dan tak percaya. Inilah tiga perkara  
55 yang menjadi **racun** yang besar kepada mana-mana negeri pun, kepada mana-  
56 mana bangsa pun. Jikalau kita berani merdeka, kita berani hadapi apa yang  
57 datang.

58 ...Pada hari ini tak usahlah kita hendak ingat diri kita sahaja, kita tidak mahu  
59 menipu diri kita dan tidak hendak berbohong. Seperti yang kita tahu Kerajaan  
60 British memerintah dengan cara dibuatkannya **kota**, kota itu dibuat dengan kuat  
61 dalam masa mereka itu memerintah di negeri ini. Jikalau kita hendak meroboh  
62 atau nak meruntuh kota itu dengan sekali gus tidak sekali-kali kita boleh buat.  
63 Kita kena mengambil masa, masa itu kena ambil dengan mengadakan cara-  
64 cara yang membolehkan perkakas-perkakas yang boleh merobohkan atau  
65 meruntuhkan kota itu. Perkakas-perkakas itu ialah education pelajaran, kenalah  
66 semua penduduk-penduduk di sini mengadakan satu polisi pelajaran bagi  
67 semua orang tidak kira apa bahasa mereka belajar, apa bahasa mereka cakap,  
68 pun boleh beri mereka ini berasa pelajaran itu menjadikan mereka itu Malayan.